

**KESEDARAN TERHADAP PENGARUH RAKAN DALAM SEBARAN KEFAHAMAN SYIAH: KAJIAN KES DALAM KALANGAN PELATIH-PELATIH INSTITUT PENDIDIKAN GURU DI SELANGOR**  
***AWARENESS OF THE INFLUENCE OF PARTNERS IN THE SPREAD OF SYIAH UNDERSTANDING: A CASE STUDY AMONG THE INSTITUTE OF TEACHER EDUCATION IN SELANGOR***

Mohamed Fairouz Mohamed Fathillah<sup>1\*</sup>, Mohd Shairawi Mohd Noor<sup>2</sup>, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah<sup>3</sup>, Norasiah Mohammad<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, [mfairooz@kuis.edu.my](mailto:mfairooz@kuis.edu.my)

<sup>2</sup> Pembantu Penyelidik Pusat Pengurusan Penyelidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, , [hawariy88@gmail.com](mailto:hawariy88@gmail.com)

<sup>3</sup> Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Alamat email.

<sup>4</sup> Pensyarah, Fakulti Sains Komputer & Matematik, Universiti Teknologi MARA Selangor, [norasiah125@uitm.edu.my](mailto:norasiah125@uitm.edu.my)

\* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 7 Okt. 2020

| Selepas Pembetulan: 14 Okt. 2020

| Diterima untuk terbit: 23 Nov. 2020

**Abstrak**

Sejak dahulu lagi kemelut dunia Islam melibatkan pelbagai pengaruh fahaman menyebabkan umat Islam sentiasa diancam. Kebelakangan ini pula di Malaysia terdapat banyak kes umat Islam yang terlibat dengan sebaran fahaman sesat. Sebahagian umat Islam mula bergerak aktif secara persendirian atau berkumpul dan terikut Syiah sekaligus merosakkan aqidah dan syariat dalam kehidupan. Oleh yang demikian kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesedaran terhadap pengaruh rakan dalam sebaran kefahaman Syiah dalam kalangan pelatih-pelatih institut pendidikan guru di Selangor. Kajian ini menggunakan metodologi kuantitatif dan mengumpulkan data melalui analisis dokumen dan instrumen soal selidik. Kajian ini juga menjalankan teknik pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) dan melakukan analisa deskriptif menggunakan min dan sisihan piawai. Keseluruhan kajian mendapati tahap kesedaran terhadap pengaruh sebaran kefahaman Syiah dalam kalangan pelatih-pelatih Institut Pendidikan Guru di Selangor berada pada tahap rendah dengan nilai min 1.97. Walaupun pengaruh sebaran kefahaman syiah yang berlaku dalam kalangan guru-guru pelatih rendah, namun perkara ini perlu diberi perhatian agar ia dapat dicegah dan dibendung lebih awal sebelum terus merebak dan menjadi parah. Dapatan kajian ini diharap dapat membantu merangka dasar baru pendidikan akidah dalam menangani penularan pengaruh Syiah di Malaysia.

**Kata kunci**

Kesedaran, Kefahaman, Syiah, Guru Pelatih

**Abstract**

Since the turmoil of the Islamic world involving various religious influences has caused Muslims to be constantly threatened. Recently, in Malaysia, there are many cases of Muslims involved in the spread of different ideologies. Some Muslims begin to involved actively individually or through organizations which follow the unislamic ideology of Shiites which destory the true Islamic teaching on aqeedah and syariah laws. Therefore, this study aims to examine the awareness of the influence of peers in spreading of Shiite's ideologies among trainees of the Institutes Education in Selangor. This study uses quantitative methodology and collects data through document analysis and questionnaire instruments. This study also conducts purposive sampling techniques and performs descriptive analysis using mean and standard deviation. The entire study found that the level of awareness on the influence of the spread of Shiite's ideologies among trainees of the Institute of Education in Selangor is at a low level with a mean value of 1.97. Despite the influence of the spread of Shiite's ideologies that occurs among the lower trainees, but this matter needs to be give an attention so that it can be prevented and curbed earlier before it continues to spread and become severe. The findings of this study are expected to help formulate a new policy of faith education in dealing with the spread of Shiite's ideologies in Malaysia.

**Keywords**

Awareness, Understanding, Shiites, Trainee Teachers

**1. Pendahuluan**

Kemasukan Syiah ke Malaysia menjadi signifikan selepas Revolusi Iran pada tahun 1979. Revolusi ini menjatuhkan kerajaan Shah Pahlavi dan menubuhkan negara Republik Islam Iran. Revolusi ini juga meluaskan fahaman Syiah atas nama menyatukan negara Islam di bawah konsep Wilayatul Faqih iaitu meletakkan kepimpinan di bawah pengurusan agamawan (Mohd Nakhaie 2013). Namun pengaruh Syiah di Malaysia yang tidak terkawal menimbulkan kegusaran dalam kalangan masyarakat Islam. Pengaruh Syiah menimbulkan pertembungan dengan fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah sehingga mengancam keselamatan Negara (Astroawani.com 2015). Oleh yang demikian, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang bersidang pada 5 Mei 1996 memutuskan bahawa Syiah yang mencakupi aliran Syiah Imamiyah atau Syiah Zaidiyyah diharamkan pengamalannya dan tergolong dalam kategori ajaran sesat (Fatwa Kebangsaan 2013).

**2. Latar belakang****2.1 Keadaan Semasa Syiah di Malaysia**

Syiah di Malaysia berkembang selepas kejayaan Revolusi Islam di Iran pimpinan Ayatollah Khomeini. Hubungan Malaysia dengan Iran tegang lantaran tindakan kerajaan mengumumkan kempen anti-Syiah dan memfatwakan ajaran Syiah sebagai sesat dan terkeluar dari agama Islam (Zulkifli Sulong & Daniel Lau 2014). Meskipun sebelum ini hubungan perdagangan dan pertukaran tenaga pakar antara dua negara ini berjalan dengan baik. Dianggarkan di Kuala Lumpur terdapat kira-kira 100,000 warganegara Iran terdiri daripada pensyarah universiti, pelajar serta golongan pelabur atau usahawan yang mempunyai hubungan dengan golongan politik (Marcinkowski 2013).

Selepas dasar pintu terbuka yang diamalkan Kerajaan Malaysia menjadi faktor penyebaran dan pengukuhan ajaran Syiah di Malaysia. Dianggarkan hampir 250,000 umat Islam di Malaysia menganut Ajaran Syiah pelbagai aliran. Manakala terdapat lebih 400 syarikat perniagaan yang dikenalpasti mempunyai kaitan dengan ajaran ini (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia 2010). Majoriti golongan Syiah di Malaysia memilih untuk bersikap berbaik dengan kelompok Ahli Sunnah Wal Jamaah. Pendekatan *taqiyya* dalam urusan harian untuk mengelak mereka daripada dikesan. Golongan Syiah di Malaysia turut mengkritik kerajaan Malaysia kerana mengambil tindakan undang-undang yang dikenakan ke atas golongan Syiah adalah bersumberkan nilai politik berbanding pertimbangan kebebasan beragama. Atas faktor ini, kebanyakan aktiviti Syiah berlangsung secara tertutup seperti di husayniyyah dan hawzah, yang mengumpulkan ahli-ahli Syiah. Dalam pada itu, keahlian Syiah paling ramai adalah dalam kalangan graduan universiti serta golongan yang berminat dengan wacana intelektual Syiah (Marcinkowski 2013).

## **2.2 Kefahaman Syiah di Malaysia**

### **2.2.1 Mendakwa *Imamah* sebagai Rukun Islam yang pertama dan termasuk dalam perkara usuluddin**

Menurut Kamil Zuhairi (2016) penganut Syiah di Malaysia berfahaman *Imamah* iaitu pelantikan Ali bin Abi Talib dan keturunannya sebagai khalifah selepas kewafatan Rasulullah SAW merupakan persoalan akidah dan termasuk dalam perkara usuluddin. Ini bermakna menolak kepercayaan terhadap *Imamah* boleh membawa kepada kekufuran atau terkeluar daripada Islam kerana bagi Syiah ia adalah merupakan rukun Islam yang pertama. Selain itu penganut Syiah di Malaysia mengklasifikasikan kedudukan Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai golongan yang tidak selamat di akhirat kelak. Ini bermakna Ahli Sunnah Wal Jamaah hanya diiktiraf sebagai muslim ketika di dunia namun di akhirat kelak mereka termasuk dalam kalangan ahli neraka.

### **2.2.2 Menafikan kekhalifahan Abu Bakar al-Siddiq, Umar al-Khatib dan Uthman bin Affan**

Menurut Norizam (2017) menunjukkan penganut Syiah di Malaysia menafikan kepimpinan Abu Bakar al-Siddiq, Umar al-Khatib dan Uthman bin Affan sebagai khalifah sambil menyebut keburukan-keburukan mereka. Mereka menuduh bahawa Abu Bakar al-Siddiq adalah perampas hak jabatan khilafah yang sepatutnya disandang oleh Ali bin Abi Talib. Mereka juga menuduh Umar al-Khatib sebagai pengkhianat Nabi SAW kerana telah mengharamkan nikah Mutaah. Manakala Uthman bin Affan pula didakwa melarang penulisan Sunah Nabi SAW dalam kalangan sahabat Baginda SAW. Di samping itu Syiah berpendapat bahawa Ahli Sunnah Wal Jamaah menciptakan pelbagai alasan untuk mengesahkan kedudukan jawatan khalifah yang disandang oleh Abu Bakar al-Siddiq, Umar al-Khatib dan Uthman bin Affan sedangkan ketiga-tiga khalifah tersebut ditabalkan secara tidak sah menurut Syiah.

### **2.2.3 Mengkafir dan mengfasiqkan para sahabat**

Menurut Khair Izzah (2011) menyatakan hujah kemunafikan para sahabat berdasarkan surah al-Tawbah ayat 101. Seterusnya tiga orang sahabat iaitu Abu Bakar al-Siddiq, Umar al-Khatib dan Uthman bin Affan dijustifikasikan sebagai kafir

kerana telah melanggar nas al-Quran dan hadith sahih yang telah membuktikan bahawa Ali bin Abi Talib yang sepatutnya menggantikan Rasulullah SAW selepas kewafatan baginda. Begitu juga al-Musawi (2002) menuduh Abu Hurairah RA sebagai pendusta dan pereka hadith-hadith Nabi SAW. Hal yang demikian berlaku apabila pembukaan Islam di Syria, Iraq, Mesir, Afrika dan Iran ketika sebilangan besar para sahabat berkurangan dan hanya beberapa orang sahaja mengetahui kedudukan pada zaman awal Islam. Sedangkan majoriti masyarakat Islam tidak pernah mengetahui sesuatu pada zaman Nabi SAW, lalu Abu Hurairah memberanikan diri dengan meriwayatkan hadith. Manakala menurut Asad Haydar (1987) menyatakan Syiah berpendapat bahawa setiap sahabat itu perlu dinilai berdasarkan amalan dan darjat keimanan mereka. Dalam kalangan mereka ada yang mukmin, munafiq, adil, fasiq, baik dan jahat.

#### **2.2.4 Mendakwa bahawa al-Quran telah diubah**

Syiah tidak mempercayai al-Quran yang berada di tangan umat Islam kerana menurut akidah Syiah, para sahabat Rasulullah semuanya adalah pendusta dan pembohong. Apabila para sahabat baginda dianggap sebagai pendusta dan pembohong, terdapat persoalan bagaimana golongan ini boleh menerima al-Quran yang diriwayatkan oleh para sahabat tersebut. Menurut al-Hilali (2009) menjelaskan bahawa Ali bin Abi Talib memiliki al-Quran yang dikumpulnya sendiri. Begitu juga Aizam Mas'od (2014) membahaskan bahawa Syiah mendakwa bahawa al-Quran yang dikumpulkan pada zaman Uthman bin Affan bukan al-Quran yang telah dikumpulkan pada zaman Rasulullah SAW. Al-Kulaini (2005) pula menyatakan daripada Abu Abdullah bahawa al-Quran yang dibawa oleh Jibril kepada Muhammad adalah sebanyak 17,000 ayat, sedangkan ayat al-Quran yang ada sekarang berjumlah 6,666 ayat. Ini bermakna hampir dua pertiga daripada isi kandungan al-Quran telah dibuang menurut kepercayaan mereka.

#### **2.2.5 Mengharuskan perbuatan meliwat**

Syiah berpendapat bahawa dibolehkan seorang lelaki menyetubuhi perempuan pada duburnya jika perempuan itu redha. Amalan ini berdasarkan firman Allah yang bermaksud: Isteri kamu umpama tanah tempat bercucuk tanam bagi kamu. Maka datangilah tanah tempat kamu bercucuk tanam itu dari arah mana yang kamu sukai. Ini bermakna menyetubuhi isteri melalui dubur merupakan hak milik suami sepenuhnya (al-Tusi 1407H). Begitu juga Khomeini (2000) menyatakan keharusan menyetubuhi isteri pada duburnya, namun mengingatkan supaya berhati-hati meninggalkannya khususnya ketika isteri tidak merelakannya. Selain meliwat isteri, al-Isfirayini (1983) juga membahaskan tentang Syiah yang menghalalkan untuk meliwat kanak-kanak. Golongan ini melakukan penyelewengan terhadap syariah dengan menghalalkan apa yang dihukum haram di sisi syarak dan mengharamkan apa yang dihukum halal menurut syarak.

#### **2.2.6 Menyambut Hari Karbala pada setiap 10 Muharram**

Menurut Amzul dan Samsuddin (2011) sambutan Hari 'Asyura merupakan amalan ritual yang direka untuk menunjukkan kesedihan kepada kecelakaan yang menimpa Husain bin Ali RA saat terbunuh dengan zalim di bumi Iraq. Amalan memukul kepala dengan pisau serta menoreh dada dengan alatan tajam bermula ketika kerajaan

Sofawiah dengan sokongan daripada British ketika menjajah benua India. Manakala penganut Syiah di Malaysia mengubah amalan tersebut kepada ucapan takziah, qasidah, nyanyian nasyid dan perkumpulan di hauzah mereka dengan tangisan, pekikan dan pukulan ke dada (A. Malik bin Takim 2017). Selain itu mereka menggantikan amalan di jalanan bersempena Hari 'Asyura dengan menyertai demonstrasi awam yang dianjurkan oleh parti-parti politik bagi mengangkat panji Syiah seperti gambar Khomeini dan bendera hitam yang tertera di atasnya kalimah "Ya Husain" di tengah-tengah jalan. Mereka turut melaungkan slogan-slogan Husain RA. Mereka juga sering berkumpul di Husainiat bersempena 'Asyura, hari-hari kelahiran, hari kesyahidan dan kepulungan, hari raya Aidul Fitri dan hari raya Aidul Adha (Abdullah Hassan 2017).

### **2.2.7 Mempertahankan Amalan Nikah Mutaah**

Menurut Sayyid Muhammad Rida al-Musawi al-Gulpaygani (1993) membincangkan kaedah untuk melakukan nikah Mutaah atau kontrak. Kaedah ini menunjukkan cara lafaz akad sementara setelah ditetapkan mahar dan tempoh nikah. Pihak perempuan berkata, "*Zawwajtuka nafsi fel moddatel ma'loomate alal mahrel ma'loom*", iaitu "saya telah menjadikan saya isteri awak bagi tempoh yang dinyatakan bagi mahar yang dinyatakan", dan tanpa berlengah pihak lelaki berkata "*Qabelto*", iaitu "Saya menerimanya", akad itu sah". Begitu juga Khair Izzah (2011) menyebut bahawa pengharaman nikah Mutaah hanya dilakukan oleh Umar al-Khatab dan ia tidak pernah diharamkan oleh Nabi SAW malah kekal halal sampai ke hari ini. Dalam pada itu Mutaah adalah amalan yang menjadi sebahagian kesempurnaan iman dalam Syiah (al-Qommi 2011). Di samping itu Mutaah menjadi amalan beragama dan menolaknya di anggap sebagai kafir dan murtad (al-Kashani 2000).

### **2.2.8 Mempertikaikan kesahihan dan keutuhan mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah**

Menurut Faisal Tehrani (2012) menyatakan pendapat Syiah yang mengkritik pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang keabsahan pegangan majoriti umat Islam di Malaysia dan seluruh dunia sebagai mazhab yang tidak asli berbanding Syiah yang minoriti tetapi asli pada pemikirannya. Selain itu Ahli Sunnah Wal Jamaah di kritik kerana tidak mampu menyelesaikan permasalahan wanita dan pelbagai lagi tuntutan lain kerana bergantung kepada kesia-siaan, lalu mengesyorkan supaya bertukar kepada Syiah yang dianggapnya sebagai satu aliran yang kukuh. Kritikan seterusnya kepada Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai satu pakatan yang rapuh dan saling bercakaran antara satu sama lain berbanding persepakatan dalam Syiah. Begitu juga penentangan terhadap Ahli Sunnah Wal Jamaah yang menubuhkan institusi atau agensi yang bertanggungjawab ke atas hal ehwal agama secara rasmi atas alasan ia hanya akan menyempitkan pengertian agama kepada kelompok tertentu sahaja sedangkan yang lain akan dianggap salah dan disekat. Malah menuduh bahawa menginstitusikan agama akan menyebabkan agama menjadi milik manusia yang mentafsirkan al-Quran dan al-Sunah sesuka hati menurut fahaman sendiri.

### **2.3 Sekatan Penyebaran Fahaman Syiah di Malaysia**

Sidang parlimen pada 9 Mac menyatakan bahawa kerajaan tidak melarang pengamalan kebebasan agama yang disebut pengamalan masing-masing tetapi

ditegah penyebaran daripada fahaman tersebut kepada mereka yang mempunyai pegangan agama khususnya fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah (Penyata Rasmi Parlimen, 2011: 7). Ini bererti kerajaan melarang penyebaran fahaman Syiah di Malaysia tanpa menghalang pengamalan fahaman tersebut. Penyataan Rasmi Parlimen (2011: 5) menunjukkan fahaman selain daripada Ahli Sunnah Wal Jamaah di Malaysia tidak menjejaskan keselamatan negara. Disamping itu kerajaan membendung penyebaran selain daripada Ahli Sunnah Wal Jamaah untuk mempengaruhi umat Islam di Malaysia. Bahkan negeri yang bertanggungjawab secara langsung dalam hal ehwal agama mengadakan usaha-usaha menjaga kesucian agama Ahli Sunnah Wal Jamaah agar tidak terganggu. Antara usaha tersebut adalah (Penyata Rasmi Parlimen, 2011: 6):

- i. Menyebarluaskan fatwa-fatwa yang telah dibuat tentang larangan penyebaran Syiah kepada masyarakat;
- ii. Sesi penjelasan kepada masyarakat melalui program-program ceramah dan penyebaran maklumat larangan ini menerusi media cetak dan elektronik;
- iii. Program pemantauan dan mengawal bahan-bahan media cetak dan elektronik dari tersebarnya fahaman Syiah menerusi media-media secara berterusan;
- iv. Meningkatkan kerjasama antara agensi-agensi agama dan kementerian-kementerian yang berkaitan dalam menangani dan menyekat fahaman selain Ahli Sunnah Wal Jamaah dari tersebar dari masyarakat; dan
- v. Mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak terbabit sekiranya didapati melanggar mana-mana peruntukan undang-undang yang sedang berkuatkuasa di negeri-negeri yang telahewartakan kesalahan penyebaran ajaran Syiah.

Selain itu tindakan ke atas Syiah boleh diambil mengikut Akta/Enakmen Jenayah Syariah Negeri-Negeri. Perkara ini didapati berdasarkan Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor 1995, ajaran Syiah boleh didakwa di bawah Seksyen 13 iaitu pendapat yang bertentangan dengan fatwa. Di bawah seksyen ini, mana-mana orang yang memberikan, mengembangkan atau menyebarkan apa-apa pendapat tentang apa-apa isu, ajaran Islam atau hukum syara' yang bertentangan dengan mana-mana fatwa yang sedang berkuatkuasa di Negeri ini adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM3000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Kementerian Dalam Negeri juga telah mengisytiharkan bahawa Pertubuhan Syiah Malaysia sebagai sebuah pertubuhan menyalahi undang-undang mengikut Seksyen 5(1), Akta Pertubuhan 1966 pada 24 Julai 2013 melalui Pewartaan P.U. (A) 238/2013. Pertubuhan Syiah Malaysia merupakan sebuah pertubuhan tidak berdaftar yang telah menyebarkan ajaran yang bertentangan dengan majoriti umat Islam di Malaysia yang berpegang kepada ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah dan ini mencetuskan suasana keresahan dan kebimbangan dalam kalangan umat Islam di negara ini. Pengharaman Pertubuhan Syiah Malaysia di bawah Seksyen 5 Akta Pertubuhan 1966 ini membawa implikasi perundangan seperti berikut:

- i. Tiada seorang pun boleh menggunakan semula nama Pertubuhan Syiah Malaysia untuk didaftarkan sebagai pertubuhan berdasarkan kepada peruntukan seksyen 7(3)(b) Akta Pertubuhan 1966.
- ii. Segala akaun, aset dan harta Pertubuhan Syiah Malaysia akan diserahkan dan digulungkan oleh Jabatan Insolvency Malaysia.
- iii. Tiada seseorang pun boleh memegang jawatan, menjalankan kerja sebagai seorang anggota, membenarkan sesuatu mesyuarat dalam bangunan, menghasut, mendorong, mendapatkan yuran atau bantuan, menyiar dan bertindak bagi pihak atau wakil Pertubuhan Syiah Malaysia. Mereka yang bertanggungjawab menjalankan apa-apa aktiviti Pertubuhan Syiah Malaysia akan disiasat dan didakwa di Mahkamah kerana melakukan kesalahan di bawah Akta Pertubuhan 1966. Sebagai contoh, Seksyen 6(2) dan 6(3)[1], Seksyen 42[2] dan Seksyen 48[3] Akta Pertubuhan 1966 serta Seksyen 142 Kanun Keseksaan[4].

Pihak berkuasa tempatan seperti PDRM, JAKIM dan JAIS telah mengambil beberapa tindakan mengharamkan ajaran ini dan menfatwakannya menyeleweng dari akidah yang sebenar. Pelbagai usaha dilakukan oleh NGO-NGO Islam serta individu-individu yang bertanggungjawab terhadap masyarakat bagi menyekat penyebaran ajaran Syiah. Pengaruh Syiah ini semakin berkembang dan diamalkan secara tersembunyi di kediaman persendirian dan dipraktikkan secara rahsia. Ini dibuktikan dengan beberapa siri serbuan oleh pihak Jabatan Agama Negeri di lokasi berasingan di Selangor, Perak, Kedah dan Kelantan sejak tahun 2010 (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia 2014).

Walaupun Syiah di Selangor telah difatwakan haram oleh Jabatan Mufti, namun ajaran Syiah masih bergerak bebas. Ini kerana proses penguatkuasaan dan pendakwaan yang masih lemah. Syiah di Selangor sudah berada dalam satu kelompok besar yang melibatkan pengaruh golongan cendekiawan, pensyarah IPT dan pelajar. Hal ini mengakibatkan karya dan penyelidikan ahli akademik yang cenderung dengan ajaran Syiah di IPT tempatan menjadi pemangkin penyebaran ajaran Syiah di Selangor. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kesedaran terhadap pengaruh rakan dalam sebaran kefahaman Syiah dalam kalangan pelatih-pelatih institut pendidikan guru di Selangor.

### **3. Metodologi**

#### **3.1 Reka Bentuk Kajian**

Tujuan kajian ini untuk mengenal pasti tahap kesedaran terhadap pengaruh rakan dalam sebaran kefahaman Syiah dalam kalangan guru-guru pelatih di IPG Selangor. Bentuk kajian ini adalah kajian kuantitatif dengan menjalankan soal selidik. Perkumpulan data ditadbir dengan melaksanakan program *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 25. Huraian dapatan kajian secara deskriptif bagi mengetahui tahap kesedaran terhadap pengaruh rakan para guru pelatih terhadap kefahaman Syiah.

#### **3.2 Populasi Dan Sampel Kajian**

Kajian ini melibatkan populasi iaitu para guru pelatih di IPG, Selangor iaitu seramai 781 orang. Manakala sampel kajian merujuk kepada jadual Krejcie dan Morgan (1970) iaitu adalah seramai 270 orang. Kajian menggunakan sebanyak 450 soal selidik dan hanya 340 soal selidik sahaja yang dipulangkan. Akan tetapi hanya 270 soal selidik dapat diguna pakai kerana baki soal selidik yang lain mengalami kerosakan atau tidak menepati kehendak analisis data. Gambar rajah jadual saiz sampel berdasarkan kepada Krejcie dan Morgan (1970) adalah seperti berikut:

Populasi	Sampel	Populasi	Sampel	Populasi	Sampel	Populasi	Sampel	Populasi	Sampel	Populasi	Sampel
10	10	85	70	220	140	440	205	1200	291	4000	351
15	14	90	73	230	144	460	210	1300	297	4500	354
20	19	95	76	240	148	480	214	1400	302	5000	357
25	24	100	80	250	152	500	217	1500	306	6000	361
30	28	110	86	260	155	550	226	1600	310	7000	364
35	32	120	92	270	159	600	234	1700	313	8000	367
40	36	130	97	280	162	650	242	1800	317	9000	368
45	40	140	103	290	165	700	248	1900	320	10000	370
50	44	150	108	300	169	750	254	2000	322	15000	375
55	48	160	113	320	175	800	260	2200	327	20000	377
60	52	170	118	340	181	850	265	2400	331	30000	379
65	56	180	123	360	186	900	269	2600	335	40000	380
70	59	190	127	380	191	950	274	2800	338	50000	381
75	63	200	132	400	196	1000	278	3000	341	75000	382
80	66	210	136	420	201	1100	285	3500	346	100000	384

**Jadual 3.1: Krejcie dan Morgan (1970)**

### 3.3 Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan alat bagi menjalankan data kajian (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin 2016). Oleh itu, dua bentuk instrumen digunakan dalam kajian ini iaitu:

#### 3.3.1 Dokumen

Perolehan data didapati melalui kajian kepustakaan. Penelitian dijalankan ke atas bahan-bahan bercetak seperti jurnal, buku, rencana-rencana, majalah dan akhbar-akhbar tempatan. Kaedah kajian perpustakaan ini digunakan untuk mendapatkan data-data atau maklumat yang berkaitan dengan sejarah, maksud, teori dan latar belakang yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan.

#### 3.3.2 Borang Soal Selidik

Secara keseluruhan, borang soal selidik dijalankan mengandungi dua bahagian. Bahagian A adalah Demografi responden seperti Jantina, Umur, Sekolah Terdahulu

dan Bidang Pengajian IPG. Seterusnya Bahagian B adalah Tahap kesedaran terhadap pengaruh rakan dalam sebaran kefahaman Syiah.

### 3.4 Analisis Deskriptif

Soal selidik dikodkan selepas diterima. Setelah itu, pentadbiran data-data tersebut dibuat dengan melaksanakan program *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 25 untuk dianalisis. Kemudian huraian data-data kajian ini dianalisis secara deskriptif bagi mengenal pasti tahap kesedaran terhadap pengaruh rakan dalam sebaran kefahaman Syiah dalam kalangan guru-guru pelatih di IPG Selangor. Data-data ini juga dibentangkan dalam bentuk jadual bagi perbincangan yang lebih jelas.

Huraian analisis deskriptif adalah teknik secara menyeluruh yang bertujuan untuk memberi gambaran awal mengenai responden berdasarkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Kajian ini menjalankan analisis deskriptif untuk menganalisis soal selidik. Bagi menentukan tahap setiap konstruk, kajian ini menggunakan interpretasi min Nunally (1978) dalam menganalisis data.

**Jadual 3.4: Interpretasi Min**

Nilai Min	Interpretasi
1.01 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

Sumber: Nunally, J.C. (1978). *Psychometric Theory*. New York: Mc. Graw Hill book Company.

## 4. Demografi Respondan: Umur, Jantina, Sekolah terdahulu & Bidang Pengajian

Kajian ini membabitkan 270 orang guru pelatih di IPG, Bangi. Data mengenai taburan responden adalah seperti berikut:

### 4.1 Umur

**Jadual 4.1: Umur**

Perihal	Kekerapan	Peratusan
18 tahun	147	54.4
19 tahun	26	9.6
20 tahun	53	19.6
21 tahun	31	11.5
22 tahun	10	3.7
23 tahun	3	1.1
<b>Jumlah</b>	<b>270</b>	<b>100.0</b>

Berdasarkan jadual di atas, majoriti umur responden adalah dalam lingkungan 18 tahun dengan kekerapan 147 orang (54.4%), diikuti lingkungan 20 tahun dengan kekerapan 53 orang (19.6%), 21 tahun seramai 31 orang (11.5%), 19 tahun seramai

26 orang (9.6%), 22 tahun seramai 10 orang (3.7%) dan 23 tahun seramai 3 orang (1.1%).

#### 4.2 Jantina

**Jadual 4.2: Jantina**

Perihal	Kekerapan	Peratusan
Lelaki	93	34.4
Perempuan	177	65.6
<b>Jumlah</b>	<b>270</b>	<b>100.0</b>

Dalam kajian ini, majoriti guru pelatih yang terlibat adalah guru pelatih perempuan dengan kekerapan seramai 177 orang (65.6%) dan 93 orang (34.4%) adalah guru pelatih lelaki.

#### 4.3 Sekolah Terdahulu

**Jadual 4.3: Sekolah Terdahulu**

Perihal	Kekerapan	Peratusan
SMK	44	16.3
SMKA/SABK	137	50.7
SBP/SBPI	25	9.3
MRSM	21	7.8
SMAN	30	11.1
Swasta	13	4.8
<b>Jumlah</b>	<b>270</b>	<b>100.0</b>

Seterusnya, dari aspek sekolah terdahulu, majoriti guru pelatih adalah dari sekolah jenis SMKA/SABK dengan kekerapan seramai 137 orang (50.7%), diikuti dari sekolah jenis SMK dengan kekerapan seramai 44 orang (16.3%), sekolah jenis SMAN dengan kekerapan seramai 30 orang (11.1%), sekolah jenis SBP/SBPI dengan kekerapan seramai 25 orang (9.3%), sekolah jenis MRSM dengan kekerapan seramai 21 orang (7.8%), sekolah jenis Swasta dengan kekerapan seramai 13 orang (4.8%).

#### 4.4 Bidang Pengajian IPG

**Jadual 4.4: Bidang Pengajian IPG**

Perihal	Kekerapan	Peratusan
Pendidikan Islam	133	49.3
Bahasa Arab	41	15.2
Bahasa Melayu	59	21.9
Matematik	0	0
Pendidikan Awal Kanak-Kanak	0	0
Bahasa Inggeris (TESL)	37	13.7
<b>Jumlah</b>	<b>270</b>	<b>100.0</b>

Selain itu, dari segi bidang pengajian di IPG pula, jadual menunjukkan majoriti responden adalah dalam bidang pengajian Pendidikan Islam dengan kekerapan seramai 133 orang (49.3%), diikuti dalam bidang pengajian Bahasa Melayu dengan kekerapan seramai 59 orang (21.9%), dalam bidang pengajian Bahasa Arab dengan kekerapan seramai 41 orang (15.2%), dalam bidang pengajian Bahasa Inggeris (TESL) dengan kekerapan seramai 37 orang (13.7%) dan tiada responden dalam bidang pengajian Matematik mahupun Pendidikan Awal Kanak-Kanak.

## 5. Analisis Dapatan (Statistik Deskriptif)

### 5.1 Kesedaran Terhadap Pengaruh Rakan dalam Sebaran Kefahaman Syiah

Jadual 5.1 berikut mengukur tahap kesedaran terhadap pengaruh rakan dalam sebaran kefahaman Syiah. Hasil dapatan menunjukkan secara keseluruhan tahap kesedaran terhadap pengaruh rakan dalam sebaran kefahaman Syiah dalam kalangan guru pelatih IPG di Selangor berada pada tahap rendah. Kajian mendapati 99.3 peratus (268), min 1.99 menyatakan tiada pengaruh rakan dalam aspek sering menyebut tentang *Imamah* dan mengajak saya supaya mengikuti ajaran Syiah, diikuti 98.9 peratus (267), min 1.98 guru pelatih IPG di Selangor telah menyatakan tiada pengaruh rakan dalam aspek wanita yang berkahwin dengan lelaki Syiah, sering mendirikan solat dengan menggunakan batu atau tanah Karbala, sering mengagungkan Ali bin Abi Talib dan *Ahlul Bait*, suka mendakwa bahawa al-Quran telah diubah, suka menyambut Hari Karbala pada setiap 10 Muharram dan melewati berbuka puasa sehingga hampir waktu Isyak, diikuti 98.5 peratus (266), min 1.98 tiada pengaruh rakan dalam aspek sering menjamakkan (menghimpunkan) solat fardhu tanpa sebab, suka mengkafirkan dan mengfasikkan para sahabat dan mengedarkan bahan bacaan ajaran Syiah. Seterusnya, 97.8 peratus (264), min 1.97 tiada pengaruh rakan dalam aspek mengamalkan kahwin *Mut'ah* serta yang terakhir 82.2 peratus (222), min 1.82 tiada pengaruh rakan dalam aspek lelaki yang tidak mendirikan solat fardhu Jumaat.

**Jadual 5.1: Kesedaran Terhadap Pengaruh Rakan dalam Sebaran Kefahaman Syiah**

KOD	Saya mempunyai rakan...	Ya	Tidak	Mean	SP	Tahap
E2	Lelaki yang tidak mendirikan solat fardhu Jumaat	17.8 (48)	82.2 (222)	1.82	.383	Rendah
E3	Wanita yang berkahwin dengan lelaki Syiah	1.1 (3)	98.9 (267)	1.98	.105	Rendah
E4	Mengamalkan kahwin Mut'ah.	2.2 (6)	97.8 (264)	1.97	.147	Rendah
E5	Sering menjamakkan (menghimpunkan) solat fardhu tanpa sebab.	1.5 (4)	98.5 (266)	1.98	.121	Rendah
E6	Sering mendirikan solat dengan menggunakan batu atau tanah Karbala.	1.1 (3)	98.9 (267)	1.98	.105	Rendah
E7	Sering mengagungkan Ali bin Abi Talib dan Ahlul Bait.	1.1 (3)	98.9 (267)	1.98	.105	Rendah
E8	Sering menyebut tentang <i>Imamah</i> .	0.7 (2)	99.3 (268)	1.99	.085	Rendah
E9	Suka mengkafirkan dan mengfasikkan para sahabat.	1.5 (4)	98.5 (266)	1.98	.121	Rendah
E10	Suka mendakwa bahawa al-Quran telah diubah.	1.1 (3)	98.9 (267)	1.98	.105	Rendah
E11	Suka menyambut Hari Karbala pada setiap 10 Muharram	1.1 (3)	98.9 (267)	1.98	.105	Rendah
E12	Mengajak saya supaya mengikuti ajaran Syiah	0.7 (2)	99.3 (268)	1.99	.085	Rendah
E13	Mengedarkan bahan bacaan ajaran Syiah	1.5 (4)	98.5 (266)	1.98	.121	Rendah
E14	Melewatkan berbuka puasa sehingga hampir waktu Isyak	1.1 (3)	98.9 (267)	1.98	.105	Rendah

Secara keseluruhan, tahap kesedaran terhadap pengaruh sebaran kefahaman Syiah dalam kalangan guru-guru pelatih di IPG, Selangor berada pada tahap rendah dengan nilai min 1.97. Walaupun pengaruh sebaran kefahaman syiah yang berlaku dalam kalangan guru-guru pelatih rendah, namun perkara ini perlu diberi perhatian agar ia dapat dicegah dan dibendung lebih awal sebelum terus merebak dan menjadi parah.

Berikut merupakan keseluruhan item bagi menilai tahap kesedaran terhadap pengaruh sebaran kefahaman Syiah:

- i. 48 daripada 270 iaitu bersamaan 17.8% guru-guru pelatih mengakui mempunyai rakan lelaki yang tidak mendirikan solat fardhu Jumaat.

- ii. 6 daripada 270 iaitu bersamaan 2.2% guru-guru pelatih mengakui mempunyai rakan yang mengamalkan kahwin Mut'ah.
- iii. 6 daripada 270 iaitu bersamaan 2.2% guru-guru pelatih mengakui mempunyai rakan yang mengamalkan kahwin Mut'ah.
- iv. 6 daripada 270 iaitu bersamaan 2.2% guru-guru pelatih mengakui mempunyai rakan yang mengamalkan kahwin Mut'ah.
- v. 6 daripada 270 iaitu bersamaan 2.2% guru-guru pelatih mengakui mempunyai rakan yang mengamalkan kahwin Mut'ah.

## 6. Kesimpulan

Malaysia merupakan sebuah negara berteraskan Ahli Sunah Waljamaah meliputi akidah, syariah dan akhlak. Manakala fahaman Islam selain daripada Ahli Sunah Waljamaah hendaklah diperhalusi dengan bimbingan pihak yang berautoriti. Kajian ini memberi gambaran awal tentang kesedaran terhadap pengaruh rakan dalam sebaran kefahaman syiah di Malaysia. Kajian ini juga penting dalam menelusuri perkembangan dan pendekatan penganut dan penyokong Syiah di Malaysia. Kajian merumuskan bahawa kepentingan pendidikan sebagai wadah menyampaikan sesuatu ilmu. Penerapan kesedaran akidah yang melibatkan setiap hierarki masyarakat perlu dipergiatkan bagi menjamin kelangsungan umat Islam di Malaysia. Semoga kajian ini memberi dan menambah input yang bermanfaat kepada masyarakat Islam khususnya mengenai fahaman Syiah.

## Rujukan

A. Malik bin Takim. (2017). Kefahaman Masyarakat Islam Tentang Doktrin dan Amalan Syiah Di Malaysia. Temubual pada 24 Januari. Informan merupakan Setiausaha Majlis Syiah Malaysia Cawangan Johor.

Abdullah Hassan. (2017). Kefahaman Masyarakat Islam Tentang Doktrin dan Amalan Syiah Di Malaysia. Temubual pada 20 Februari. Informan merupakan Tokoh Syiah Kedah dan Pengasas Husainiyyat al-Zahra Pendang Kedah.

Aizam Mas'od. (2014). *Soal Jawab Syiah di Malaysia*. Putrajaya: JAKIM.

Al-Hilali, S. i. Q., (2009). *Kitab-e-Sulaym ibn Qays Al-Hilali*. 2nd ed. Beirut: Dār al-Ḥawrā' lil-Ṭibā'ah wa-al-Nashr wa-al-Tawzī'.

al-Isfirayini, Tahir bin Muhammad. (1983). *al-Tabsyir fi al-Din wa Tamyiz al-Firqah alNajiyah 'an al-Firaq al-Halikin*. Beirut: 'Alam al-Kutub.

al-Kashani, Muhammad Mahsan al-Fayd. (2000). *al-Wafi*. Ed. Diya' al-Din alHusayni. Esfahan: Maktabah al-Imam Amir al-Mukminin 'Ali 'alayh al-Salam.

al-Kulaini, Mohamad bin Yaakob. (2005). *Usul Al-Kafi*. Beirut: Darul Murtadha.

al-Musawi, Shafarafudden. (2002). *Menggugat Abu Hurairah*. Jakarta: Pustaka Zahra.

al-Qommi, Abbas Bin Muhammad bin Ridha. (2011). *Muntaha al-Amal fi Tawarikh al-Nabi Wal Al*. Tehran: Darul Mustafa al-Alamiyyah Li Tiba'ah Wa Al-Nasyr.

al-Tusi, Muhammad bin al-Hasan. (1407H). *Tahzib al-Ahkam*. Tehran: Dar al-Kutub al-Islamiyyah.

Asad Haydar (1987), *Sahābah Menurut Perspektif Islam*. Trj. Hj. Khalid Kasban, Singapura: Pustaka al-Ikhwān.

Astroawani.com., (2015). <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpn-pendedahansyah-untuk-keselamatan-negara-26881/>. Tarikh capaian: 10 Mei 2018.

Fatwa Kebangsaan. (2013). Syiah di Malaysia. Diakses pada 19 Jan 2013, [http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/syiah-di-malaysia/6 Februari 2013](http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/syiah-di-malaysia/6_Februari_2013).

Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. (2016). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2010). *Penjelasan Terhadap Fahaman Syiah*. Putrajaya: JAKIM.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2014). *Bahagian Perancangan dan penyelidikan. Analisis Akuan Berkanun Pengakuan Bermazhab Syiah*. Putrajaya: JAKIM.

Kamil Zuhairi bin Abd Aziz. (2016). Kefahaman Masyarakat Islam Tentang Doktrin dan Amalan Syiah Di Malaysia. Temubual pada 20 September. Informan merupakan Ketua Komuniti Masyarakat Awam Syiah Imamiyah (Ja'fari) Malaysia.

Khair Izzah. (2011). *Meniti Titian Kebenaran*. Al-Muntazar Resources.

Krejcie, V. R., & Morgan, W.D. (1970). Determining Sample Size for Research Activities, *Educational and Psychological Measurement*, (30), Duluth: University of Minnesota.

Marcinkowski, Christoph. (2013). The Iranian Shi'i Diaspora in Malaysia. [<https://www.mei.edu/publications/iranian-shii-diaspora-malaysia>; di akses pada 19 Disember 2018].

Mohd Nakhaie Ahmad., (2013). Aqidah dan Cita-Cita Politik Khomaiy Berdasarkan Karya-Karyanya. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Mengenai Syiah anjuran MUAFAKAT, 8 September 2013, Kuala Lumpur.

Mohd Samsuddin Harun & Azmul Fahimi Kamaruzaman. 2011. Kemunculan budaya Syiah di Alam Melayu: Satu Kajian Awal. Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN IV): Ulama Pemacu Transformasi Negara.

Musavi Khomeini, S. R. (2000). *Tahrir al-wasilah*. Qom: *Imam Khomeini Institute*.

Norizam bin Lagiman. (2017). *Kefahaman Masyarakat Islam Tentang Doktrin dan Amalan Syiah Di Malaysia*. Temubual pada 20 Ogos. Informan merupakan Penolong Pengarah, Bahagian R&D seksyen Akidah JAIJ.

Nunnally, J.C. (1978). *Psychometric Theory* (2<sup>nd</sup> ed.). The University of Michigan, McGraw-Hill.

Penyata Rasmi Parlimen Kedua Belas Penggal Keempat, Mesyuarat Pertama. (2011). Dewan Negara, Malaysia. 9 Mac 2011.

Sayyid Muhammad Rida al-Musawi al-Gulpaygani. (1993). *Mukhtasar al-ahkam*. Markaz Ahlul-bait, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Faisal Tehrani. (2012). *Perempuan nan bercinta*. ITBM.

Zulkifli Sulong & Daniel Lau. (2014). Iranian traders boycott Malaysian goods over Umno's anti-Shia campaign – [http://www.themalaysianinsider.com/malaysia/article/iranian-tradersboycott-malaysian-goods-over-umnos-anti-shiacampaign#sthash.DITZSjfq.dpuf di akses 10 nov 14].